

**ADAT MELAYU SERUMPUN:
SATU REFLEKSI PERANAN PEMIMPIN ADAT**

Prof.Madya. Dr.Hanipah Binti Hussin

Ketua Unit Ko-Kurikulum

KUTKM. Ayer Keroh Melaka.

PENDAHULUAN

Kertas kerja ini bertujuan memantapkan sistem organisasi dan pentadbiran Ketua Kampong (Sidang) dan Penghulu serta membantu Kerajaan Negeri Melaka dalam usahanya merealisasikan Lembaga Adat Melayu Melaka. Kertas kerja ini juga membincangkan bagaimana pemimpin adat di Negeri Melaka boleh dipandu untuk meningkatkan kualiti ciri-ciri kepimpinan mereka melalui teknik pemikiran refleksi atau renungan sendiri ke atas pengalaman dalam kepimpinan dan bertindak menyelesaikan masalah yang direnungkan. Kertas ini juga cuba membawa penjelasan bagaimana sikap sentiasa sedar bahawa ‘saya pemimpin masyarakat’ dapat disematkan dalam pemikiran dan jiwa pemimpin adat. Dengan cara ini pertubuhan adat dan pemimpin adat boleh di martabatkan.

Pemimpin adat pada hari ini sudah mula menilai ciri-ciri kepimpinan mereka dan rakan pemimpin yang lain. Mereka juga mengambil serius terhadap semangat kerja (etos kerja) yang mereka praktikkan selama ini. Mereka sudah mula sensitif kepada apa pemimpin lain laksanakan di tempat mereka. Jika pemimpin adat di Negeri Melaka berupaya berfikir dan memberi makna kepada pengalaman kepimpinan mereka, hasil yang diharapkan bagi Negeri Melaka ialah setiap pemimpin adat sentiasa dalam keadaan sedar dan sentiasa dalam proses pbaikan diri dan dengan cara ini definisi kepimpinan dengan sendirinya terserlah di kalangan setiap pemimpin adat.

Proses pbaikan diri pemimpin melalui teknik refleksi dan tindakan menyelesaikan masalah adalah proses pembangunan insan pemimpin yang datang dari teori dan pendekatan konstruktivisme. Pendekatan konstruktivisme menerangkan individu belajar dan membina ilmu baru daripada pengalamannya dalam bidang tertentu. Ianya berbeza dari membaca teori kepimpinan bentuk lama, individu cuba meniru ciri-ciri kepimpinan orang lain atau seseorang tokoh. Proses menjadi pemimpin melalui teknik refleksi adalah lebih praktikal kerana method ini secara peribadi boleh melentur dan

Adat Melayu Serumpun: Satu Refleksi Peranan Pemimpin Adat Negeri Melaka. Kertas Kerja ini telah di bentangkan dalam Semeinar adat Melayu Serumpun,di Melaka 30.9.03

mengasah bakat dan sifat-sifat kepimpinan. Cara ini membuat pemimpin akan lebih berfokus kepada tugas utama dan didorong untuk belajar dari kekuatan dan kelemahan diri sendiri.

Mereka sebenarnya belajar mengenal siapa diri mereka dalam 'baju pemimpin'. Pemimpin adat belajar menjadi pemimpin secara 'Hands-On terhadap ciri- ciri sahsiah dan peribadi diri sendiri melalui pergaulan harian dengan orang lain. Oleh itu mereka perlu selalu dibantu oleh organisasi pentadbiran yang lebih berkarisma dari aspek moral kerana mereka wakil orang ramai untuk berdepan dengan masalah dan kepayahan orang ramai.

Kesimpulannya kertas kerja ini menegaskan bahawa pemimpin adat adalah pemimpin masyarakat yang perlu perhatian kerana mereka sedang belajar dari pengalaman memimpin diri dan orang lain. Mereka perlu disokong dari aspek semangat kerja (etos kerja). Oleh sebab itu refleksi dalam konteks ini cuba membawa pemimpin adat ke arah proses merenung pengalaman kepimpinan dengan tujuan memperbaiki ciri-ciri kepimpinan yang masih lemah. Refleksi oleh para pemimpin adat bermaksud Datuk Sidang, Datuk Penghulu dan Pegawai JKKK memikirkan apa lagi yang boleh diperbaiki dalam tugas harian sebagai pegawai adat dan pegawai masyarakat di tempat masing-masing. Jika setiap pemimpin adat berfikir untuk memperbaiki peranan dan tugas harian mereka, tentu pembaikan kecil akan menjadi satu proses pembaikan yang besar dan berfaedah kepada rakyat dan Negeri Melaka.

BAGAIMANA PROSES REFLEKSI OLEH PEMIMPIN ADAT BOLEH MEMBAWA KESAN MORAL DAN MATERIAL ?

Pemikiran refleksi yang membawa pembaikan diri dan kualiti kerja adalah merupakan proses mengasah pemikiran moral pemimpin adat. Mereka berfikir dan pemikiran refleksi tadi dibimbing supaya pemikiran pemimpin berasaskan empati, simpati kepada orang ramai, bisikan hati mereka berfokus kepada semangat membantu bangsa, berkorban masa, tenaga dan wang ringgit untuk kesejahteraan manusia lain dan inilah jalan berjihad kepada Allah.

Pemikiran dan cetusan pemikiran pemimpin adat akan dinyatakan atau perlu disuarakan kepada orang ramai untuk menterjemahkan nyala rasa dan persepsinya

terhadap peristiwa yang berlaku di sekitarnya. Penyataan pemimpin adat dalam satu- satu kes sangat penting. Penting kerana pemimpin dalam masyarakat Melayu sangat berpengaruh. Mereka yang menjadi pemimpin diberi tiga perkara asas dalam kehidupan masyarakat tersebut. Pemimpin Melayu diberi Kepercayaan, Kekuasaan dan Kebebasan. Penyerahan ketiga-tiga unsur di atas dicerminkan dalam ungkapan adat berikut:

‘tangannya diberi melenggang, kakinya diberi melangkah, lidahnya diberi berkata,’

Soalannya adalah

Adakah pemimpin adat sedar bahawa orang ramai menunggu kata-kata mereka?,

Menunggu tindakan mereka?

Menunggu mereka membuka bicara!

Menunggu apa kata pemimpin adat dalam majlis-majlis adat atau kes-kes sosial di kampong?

Walaupun dalam ungkapan adat orang Melayu menyatakan bahawa pemimpin **‘ditinggikan seranting, didulukan selangkah’**, namun jika seorang pemimpin tidak diutamakan dalam masyarakatnya, mereka tidak akan mendapat tanda-tanda seperti berikut. Ia dihormati dan diutamakan oleh orang lain - Ia merupakan orang yang dituakan, dimuliakan lebih dari orang lain. Jika mereka tidak didahulukan, apa pemimpin adat akan buat? Merajuk? Tidak ke majlis orang ramai lagi? Atau buat tak kesah sahaja? Ada yang mengambil tindakan tidak rasional ini, tetapi ada ramai juga yang terpenggil untuk bertindak. Pemimpin adat yang begini harus merenung apa kesilapan dan di mana kelemahan yang ada di kampong. Dua perkara yang patut dibuat . Pertama berfikir secara rasional dan kedua membetulkan bisikan hati dan nyala rasa.

Pertama berfikir secara rasional, yakin bahawa pemimpin adat adalah orang yang telah diberi mandat oleh Pegawai Daerah untuk berperanan dalam masyarakat. Cuba berkomunikasi secara terbuka, banyakkkan mendengar dari orang ramai supaya dapat mengumpul maklumat sebelum bertindak. Pastikan maklumat yang didengar itu disaring supaya tindakan yang akan dibuat tidak akan bercanggah dari peraturan adat dan hukum agama. Cari kekuatan sendiri, tentu ada kekuatan dalam diri yang boleh digunakan dalam tindakan akan datang. Cari kekuatan orang lain kerana dalam kekuatan orang lain ada kelemahannya. Percaya kepada masa, menunggu masa yang sesuai untuk bertindak

dengan betul. Jika pemimpin adat dapat bersabar dalam proses membuat perbaikan diri, inilah yang dikatakan tindakan refleksi. Falsafah pemimpin adat harus tidak lari dari konsep bahawa pemimpin adalah ‘orang yang diberi penghargaan kerana peranan dan tanggung jawabnya kepada orang lain’.

Kedua adalah bisikan hati dan emosi yang diperkatakan adalah merupakan unsur dalaman pemikiran otak yang sedang diterokai dalam proses seseorang memberi gambaran terhadap konsep-konsep, kerohanian, metafora, analogi, sistesis, intuitif yang dialami dan dikuasai oleh seseorang (Hatton and Smith 1995). Proses refleksi secara menulis atau berbincang adalah digalakkan dalam usaha seseorang mencari dan memberi makna ke atas pengalamannya (Hanipah 1999). Jika seseorang itu mengamalkan refleksi dengan mengambil kira unsur-unsur seperti bisikan hati (self talk) dan nyalarasa (passion) sudah tentu ianya akan mempunyai pemikiran yang lebih jauh dan menjangkau ke dalam daerah pemikiran yang lebih luas. Contohnya seseorang yang mengamalkan pemikiran refleksi yang becirikan nilai-nilai moral ia mampu memberi kaitan dan hubungan antara pengalamannya terhadap falsafah dirinya sebagai manusia yang dicipta oleh Allah, tuhan yang disembahnya, atau ia boleh membincangkan falsafah, visi dan wawasan negara dengan mengaitkan pengalaman dirinya, ia boleh menulis aspek-aspek budaya dan norma-norma masyarakat, adat istiadat, dengan mengaitkan pengalaman dirinya, ia boleh membincangkan isu-isu kepimpinan dalam politik, ekonomi dan sosial dengan mengaitkan pengalaman dirinya. Dengan hujah di atas inilah maka Hanipah (2002) memberikan definisi refleksinya yang berbunyi:

‘Self reflection is an active and goal directed analysis with emphasis on the importance of the emotional mind (feeling and spiritual) and the rational mind (logical) in order to find the truth in their professional development.’

Daripada definisi ini beliau menegaskan bahawa proses refleksi itu harus bermula daripada diri sendiri, refleksi sendiri adalah analisis secara aktif terhadap diri dengan menggunakan pendekatan terarah dan bermatlamat. Refleksi sendiri menitikberatkan penerokaan domain afektif, (emotional mind) spiritual dan pemikiran rasional (rational mind) seseorang dalam tindakannya mencari kebenaran terhadap pembinaan dirinya dalam sesuatu profession yang diceburi.

Paduan unsur rasional dan emosional dalam proses pemikiran reflektif akan membawa penerokaan sendiri (self talk) yang lebih hampir kepada ciri-ciri kemanusiaan. Apabila individu telah dapat membuat refleksi sendiri ia sebenarnya akan terarah dan terdorong untuk membuat (critical reflection) ia itu membuat refleksi ke atas isu-isu yang lebih luas dengan meneroka isu-isu teradap fitrah manusia, hak awam, nyawa, keadilan politik, persamaan dan kelainan status, pencapaian, wawasan sosio dan ekonomi dan falsafah negara. Proses pemikiran critical refleksi dapat mmembantu pemimpin menjadi lebih seimbang dan lebih bestari dalam usaha membuat keputusan dan melaksanakan tindakan dalam kerjayanya (Hanipah , 2003)

Teori-teori yang menunjukkan bagaimana seseorang pemimpin berfikir, membina pemikiran dan memupuk rasa dan kepercayaan terhadap diri dan orang lain telah banyak berubah sejak tahun 1990an dengan adanya piagam pelanggan. Pada awal tahun 2000 pula pegawai-pegawai kerajaan telah mengambil pendekatan ‘humanistic’ (yang mementingkan unsur-unsur kemanusiaan) dalam pentadbirannya. Pentadbiran yang menekankan pendekatan humanistic telah diaplikasikan di peringkat negeri, mukim, kampung dan solok di Negeri Melaka. Dalam hal ini, pemimpin adat yang dilantik di Peringkat Pejabat Daerah seperti Datuk Penghulu dan Datuk Sidang di seluruh negeri Melaka sedang memainkan peranan mereka sebagai ‘front-line’ dalam menjayakan system pentadbiran yang lebih bertumpu kepada konsep ‘mesra rakyat’.

Dalam bukunya ‘A Visionary & His Vision of Malaysia’s K-ekonomy ‘ Dr. Mahathir, menegaskan bukan maklumat, bukan ilmu tetapi kebolehan dan kebebasan membuat keputusan berdasarkan maklumat dan ilmu akan membuat seseorang atau sesebuah negara boleh maju dan setanding dengan bangsa lain. Kesemua ini tidak boleh dibuat oleh orang persaoangan walupun dia itu bijak, keputusan mesti dibincangkan dikongsi secara beramai dan dalam hal ini pemimpin diperingkat akar umbilah yang memainkan peranan dalam membawa bijak pandai di Negeri Melaka, mencapai satu kata yang sepakat.

Sebenarnya pegawai JKKK, Datuk Penghulu dan Datuk Sidang adalah ‘front line’ bagi kumpulan pentadbir yang bersemuka dengan rakyat dan mereka juga sedang belajar bagaimana menjadi pemimpin dalam konteks ‘mesra rakyat’ dan mereka harus diberi input supaya mereka dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada lapisan rakyat.

Input yang paling dekat dengan mereka adalah pengalaman sebagai pemimpin itu sendiri. Tidak kira samaada mereka sudah lama atau baru dalam kerjaya kepimpinan, jika mereka boleh belajar melalui pengalaman sendiri, adalah perkara yang lebih baik. Bagaimana seorang pemimpin boleh belajar daripada pengalamannya sendiri?

Ramai pengkaji berpendapat bahawa paling mencabar dalam tugas pemimpin adalah mengurus pemikiran emosi sendiri ketika mengendalikan permasalahan orang ramai. Pemimpin perlu juga belajar bagaimana mengurus emosi dan mood sendiri sebelum mengurus fikiran dan emosi orang ramai. Dalam masa yang sama pemimpin perlu mengenal emosi sendiri samaada lemah atau kuat. Penyabar atau pembengis. Ketahanan emosi hanya boleh dikenal pasti selepas beberapa pengalaman berdepan dengan orang ramai.

Kata beberapa orang pemimpin adat dalam refleksi mereka (Hanipah 2003),
‘.....jika beginilah rumitnya mengurus diri, pemikiran dan emosi sendiri, tentu kita dapat bayangkan berapa banyakkah kekuatan yang perlu digandakan oleh orang yang bergelar pemimpin di kalangan kita untuk memimpin pemikiran dan emosi orang lain’..... ‘.....mereka tak menjemput saya.....tapi jemput imam sahaja.....’ ‘Saya suka bercerita kepada anak muda, masalahnya anak muda takada....’ Saya cadangkan pegawai adat perkahwinan dipanggil untuk beri input dalam kursus perkahwinan...’

Mengapa Datuk Penghulu dan Datuk Sidang selalu mengeloh, sukar memimpin pemikiran warga Malaysia pada hari ini? Sebabnya adalah pemimpin hari ini didesak untuk memberi penumpuan, supaya fokus kepada norma-norma kehidupan. Sedangkan tabiat dan tindakan rakyat yang sudah tidak asli, banyak tokoh tambah atau sengaja meninggalkan unsur-unsur adat dan budaya tempatan. Rakyat sedang berubah dari sebuah masyarakat pertanian kepada masyarakat perindustrian dan celik IT dan ICT. Sedangkan orang ramai faham bahawa memberi kefahaman dan fokus kepada adat dan peraturan agama serta undang-undang negeri adalah perkara yang bukan lagi kolektif seperti dahulu, ia telah menjadi milik peribadi dan untuk kembali memartabatkan kebudayaan, adat dan istiadat ini bukan tugas pemimpin adat seorang ia perlukan kerjasama rakyat dan bukannya hanya mengharapkan peranan pemimpin.

Soalan untuk direflek dan direnung adalah bagaimana pemimpin boleh mendapatkan kerjasama rakyat? Apakah kemahiran dalam kepimpinan yang perlu ada?

Bagaimana dengan kemahiran berkomunikasi? Apa yang perlu ada adalah penghayatan dan penglibatan diri seseorang pemimpin yang berpanjangan dalam sesuatu isu sosial. Pemimpin adat harus lebih banyak mendengar dahulu sebelum membuat sebarang keputusan. Walaupun negara mengejar IT dan ICT pemimpin adat tetap di anggap sebagai pembantu dalam masyarakat seperti dalam ungkapan Melayu di bawah.

**‘Bagai pohon di tengah padang
rimbun daunnya tempat berteduh
kuat dahannya tempat bergantung
kukuh batangnya tempat bersandar
besar akarnya tempat bersila’**

Rakyat menyoal ‘Bagaimana pemimpin akar umbi yang terdiri dari Datuk Sidang, Datuk Penghulu serta pegawai- pegawai JKKK ini memainkan peranan mereka?’ Mereka menyoal rakyat ‘Bagaimana unsur-unsur kepercayaan dan kerohanian yang tuan-tuan amalkan boleh berpadu dalam pemikiran secara menyeluruh dan dapat merubah tingkahlaku yang diinginkan di kalangan penduduk?’. Walaupun rakyat berpendapat bahawa mereka telah bijak dari dahulu, bolehkah mereka berpadu, hidup aman dan saling berkongsi kebijaksanaan sesama mereka tanpa bimbingan pemimpin?

Datuk Penghulu dan Datuk Sidang mengeloh juga, bagaimana cara dan teknik terbaik untuk bersama-sama generasi bijak pandai hari ini? Generasi hari ini mendapat pendidikan di luar negeri dan membawa idealisme yang berbeza-beza. Tambahan lagi generasi yang hendak dipimpin pada hari ini adalah generasi dinamik, positif dan semua boleh. Mereka hendak melibatkan diri dalam perancangan, pelaksanaan, penilaian dan reformasi sesuatu dasar. Mereka mendakwa mereka harus diberi suara dalam membuat keputusan. Soalnya siapakah yang paling layak menjadi pemimpin di kalangan ‘pemimpin-pemimpin’ ini?

Pada hari ini semasa orang ramai banyak berbicara tentang siapakah pemimpin yang layak di antara mereka, para pendukung masyarakat terpanggil untuk bertanya martabat pemimpin di peringkat akar umbi. ‘Adakah pemimpin tempatan sudah layak diberi kedudukan yang sewajarnya dalam sistem pemerintahan negeri?’ Adakah mereka

yang digelar dan bergelar pemimpin di peringkat solok, kampong, mukim dan daerah negeri telah mempunyai etos kerja (semangat kerja) yang tinggi?. Bolehkah rakyat bijak pandai yang ada memberi mereka ‘ **selangkah ke hadapan**’ ,

Dalam hal ini Dr. Mahatir menambah pesanannya kepada pemimpin dalam catatan beliau ‘Shared Infrastructure’ dalam buku E-Government in Malaysia (Mohd.Rais Adb.Karim 2003), bahawa pemimpin biar siapapun mereka, mereka harus belajar menahan diri dari kepayahan belajar perkara baru, apalagi untuk belajar perkara baru dengan berbantuan komputer. Dengan ada kemahiran berkomputer pemimpin dihargai dan dipandang berguna pada hari ini. Sebab orang ramai apalagi generasi muda mengambil maklumat dari komputer. Pemimpin harus belajar bukan sahaja mengambil maklumat daripada system maklumat komputer (down-load information) tetapi perlu pandai menyumbangkan idea dan penulisan terhadap idea-ideanya ke dalam system maklumat komputer (up-load information). Jika ini yang dibuat oleh pemimpin, barulah pemimpin di Malaysia boleh mendakwa bahawa mereka berguna kepada generasi muda kerana mereka juga berkomunikasi menggunakan IT dan pandai menggunakan ICT.

Tulisan Pak Tenas Effendy dalam artikelnya yang berjudul ‘ Perspektif Nilai-Nilai Adat dan Etos Kerja’ pada 15 September 2003, dalam Musyawarah Besar II Masyarakat Adat Melayu Kapupaten Pelalawan, Pengkalan Kerinchi membincangkan kedudukan pemimpin dan etos kerja dalam acuan budaya Melayu. Beliau menegaskan setidak-tidaknya masyarakat Melayu masa silam memiliki etos kerja yang tinggi, mampu mengangkat harkat dan martabat kaumnya dari tidak berilmu kepada lebih berilmu, daripada penakut kepada mempunyai daya saing yang tinggi. Mampu menghadapi pesaing, tenang menghadapi cabaran emosi, mental, fizikal. Bagaimana dengan pemimpin masyarakat Melayu di negeri Melaka pada hari ini?

Soalnya kayu ukur kita tak sama! Pada masa dahulu kalau rakyat diam, tunduk boleh kita sangka setuju, pada hari ini rakyat yang diam dan tunduk itu, mungkin

perancang, pembelot dan musuh dalam selimut. Kalau dahulu rakyat kurang berilmu, sekarang pemimpin terpaksa belajar lebih rajin untuk tambah ilmu. Ilmu dalam adat istiadat, ilmu pengurusan dalam perkahwinan dan kematian, ilmu sains kemasyarakatan, ilmu dalam komputer dan cabang-cabang ilmu yang berkaitan dengan kepimpinan.

Pemimpin adat yang telah dilantik harus mempelajari adat istiadat penduduk tempatan, menjaga dan memantau dan menyelenggarakan adat sesuai dengan ketentuan adat. Pemimpin adat harus pula menjunjung adat dan hidupnya beradat. Datuk Penghulu dan Datuk Sidang bekerjasama pula dengan Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung untuk memajukan penduduk dari semua aspek sosio-ekonomi. Mereka adalah pemimpin peringkat akar umbi yang diminta menghayati dan mengamalkan nilai-nilai luhur agama dan adat serta norma-norma sosial masyarakat setempat. Dalam buku 'Pemimpin dalam Ungkapan Melayu' Tenas Affendy, (2002) pemimpin dalam masyarakat Melayu digambarkan sebagai pemimpin ikutan seperti yang dibayangkan oleh pantun berikut:

**Menjadi pemimpin menuruti adat
Iman kukuh amalpun taat
Fikiran jernih hatipun bulat
Terhadap yang susah ia berminat**

Dalam kebudayaan masyarakat orang Melayu, bidang kepimpinan bermula dari unit yang paling kecil hingga kepada bahagian kepimpinan yang paling besar. Hirarki kepimpinan dari aspek ruang kuasa boleh dilihat dalam susunan medan kuasa seperti di bawah:

Rumah tangga, Solok, Kampong, Negeri, Organisasi, Negara, Bangsa, Antara Bangsa.

Dalam buku yang berjudul 'Adat Melayu Serumpun' (PERZIM 2001) yang diselenggarakan oleh Prof. Abdul Latiff Abu Bakar, menegaskan bahawa di Rantau Asia Pasifik dan di Kepulauan Melayu, mana-mana bangsa yang mendokong adat dan syarak dalam proses peradaban bangsanya, pemimpin memegang pantang bahwa pemimpin

tidak boleh meninggikan diri, meninggikan suara sehingga masyarakat rasa tersisih, disisihkan atau menarik diri dalam usaha perpaduan dan proses penyebatian bangsa itu sendiri.

Peranan pemimpin dalam masyarakat Melayu dapat digambarkan sebagai berikut: dalam 'Pemimpin dalam Ungkapan Melayu' Tenas Affendy, (2002)

'didahulukan dapat diraih

'ditinggikan dapat dijangkau

'dekatnya tidak berjarak, jauhnya tidak berantara'

Oleh kerana penghormatan kepada pemimpin di kalangan orang Melayu itu datang dari pengikut, maka pemimpin masyarakat Melayu dituntut memenuhi kriteria yang disyaratkan oleh budaya masyarakat Melayu sebagai acuan dasar sesuai dengan ketentuan dalam masyarakat secara formal atau informal.

Acuan dasar dalam memberi bentuk pemimpin dan kepimpinan di kalangan masyarakat orang Melayu adalah ciri-ciri keperibadian terpuji. Ciri-ciri keperibadian menentukan jenis pemimpin. Dalam ungkapan adat menyebut

' tuah kain pada tenunnya, tuah pemimpin pada santunnya'

Dengan berpanduakan acuan dasar ini, jenis pemimpin Melayu dikategorikan. Terdapat 194 jenis pemimpin Melayu. Terdapat 74 jenis pemimpin yang bersifat baik dan 120 jenis pemimpin yang bersifat buruk. Dari perangkaan ini dapat diperhatikan jenis pemimpin yang buruk lebih banyak dari yang baik. Oleh itu orang Melayu perlu arif dan bijaksana dalam memilih wakil di antara mereka untuk menjadi pemimpin. Dalam ungkapan adat Melayu dikatakan 3 keraktor yang dilihat pertama ialah nilai-nilai kejiwaannya harus membawa kepada proses pembaikan, kedua darah dagingnya mengamalkan kepercayaannya dan ketiga seorang yang penuh harapan dan futuristic kepada diri dan kepimpinannya.

' apabila diangkat atas muafakat, menarik kembali besarlah akibat'

' apabila pemimpin sudah didudukkan, dianjak-anjak jadi pantang'

Akhir kata banyak sifat yang boleh pemimpin adat perbaiki dalam proses pembaikan diri melalui teknik refleksi. Melalui buku 'Pemimpin dalam Ungkapan Melayu' Tenas Affendy, (2002) menyatakan beberapa sifat pemimpin yang patut direnung bersama dan dipelajari di kalangan pemimpin adat adalah seperti tersenarai di bawah ini.

Sifat Pemimpin Sejati Dalam Masyarakat Melayu

1. Banyak pengetahuan dalam kepimpinan, raja dan kerajaannya
2. Banyak tahannya, -tabah, sabar, tawakal, rajin dan rela berkorban
3. Banyak bijaknya,- marah dalam tertawa dan senyum dalam susah
4. Banyak cerdiknyanya-, strategic dan merancang, boleh berunding
5. Banyak pandainya – menyelesaikan masalah yang kusut
6. Banyak arifnya- meangaku kalah dalam menang
7. Mulia budinya – banyak membawa kebaikan kepada anak buahnya
8. Banyak relanya- tidak mementingkan diri sendiri dan rela berkorban
9. Banyak ikhlasnya- tidak mengharap imbalan
10. Banyak taatnya- taat kepada hak dan kewajipan dan setia kepada petua amanah
11. Mulia Duduknya- memelihara budi pekertinya di rumah, dalam masyarakat
12. Banyak sadarnya- mengkaji sebelum buat keputusan
13. Banyak tidaknya- memelihara daripada perkara yang tidak-tidak.

Bibliografi

Hatton and Smith, (1995). Reflection in teacher education: Towards definition and implementation. *Journal of Teaching & Teacher Education*, 11(1), 33-49.

Hanipah Hussin, (1999). *Learning to be reflective: The content and nature of primary student teachers' thinking during field experience in Malaysia*. Unpublished Ph.D Thesis. University of Sydney. Australia.

Hanipah Hussin, (2002). Mentoring Professional Educational Development. Kertas Kerja dibentangkan dalam Konvensyen Pendidikan Pemimpin Pelapis Negeri Johor. Straits Meridian Hotel. Melaka. 22hb Oktober.

Hanipah Hussin, (2003). Penulisan Refleksi di Kalangan Datuk Sidang dan Datuk Penghulu. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Adat Perkahwinan di Kalangan Datuk Sidang dan Datuk Penghulu. 10hb Mei. AKCR. Melaka

Adat Melayu Serumpun: Satu Refleksi Peranan Pemimpin Adat Negeri Melaka. Kertas Kerja ini telah di bentangkan dalam Semeinar adat Melayu Serumpun,di Melaka 30.9.03

Mahathir Mohamad, (2002). A Visionary & His Vision of Malaysia's K-Economy. Pelanduk. Subang Jaya.

Muhammad Rais Abdul Karim, (2003). E-Government in Malaysia: Improving Responsiveness and Capacity to Serve. Pelanduk. Subang Jaya.

PERZIM, (2001) Selenggaraan Abdul Latiff Abu Bakar. Adat Melayu Serumpun: Adat Bersendi Syarak , Syarak Bersendi Kitab Allah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Tenas Affendy, (2000). Pemimpin Dalam Ungkapan Melayu. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Tenas Affendy, (2003). Perspektif Nilai-Nilai Adat dan Etos Kerja. Kertas kerja di bentangkan dalam Musyawarah Besar II: Masyarakat Adat Melayu Kabupaten Pelalawan. Pengkalan Kerinci. 15-17 hb September 2003.

Schon, D. (1983). *The reflective practitioner. How professionals think in action*. New York: Basic Books.